

GLOSARI

BORANG SOAL SELIDIK UNIVERSITI PENYELIDIKAN

NOTA:

1. Penilaian adalah mengambil kira data pada 31 Disember tahun berkenaan.
 2. Data yang dikehendaki bukannya secara kumulatif KECUALI dinyatakan sebaliknya.
 3. Data yang diberikan hendaklah bertepatan dengan dokumen sokongan.
-
-

SECTION A : General Information

1. Number of academic staff (permanent/contract staff)

1 (a) Bilangan kakitangan akademik (tetap/kontrak) berjawatan Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah termasuk yang bercuti belajar, bercuti sabbatical, dipinjamkan ke organisasi luar UKM dan bercuti bagi mengikuti latihan / sangkutan.

1 (b) Bilangan kakitangan akademik (tetap/kontrak) berjawatan Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah tidak termasuk yang bercuti belajar dan dipinjamkan ke organisasi luar UKM.

Data: Tidak termasuk guru.
Tidak termasuk Pensyarah Pelatih/*Tutor*
Tidak termasuk *Post-doctoral*.

Nota :

- Definasi cuti belajar bermaksud belajar untuk tujuan Ijazah Tinggi.

- Bagi kakitangan yang khidmatnya tidak lebih daripada 6 bulan di PTJ tidak perlu dimasukkan pada tahun berkenaan dan boleh dimasukkan pada tahun hadapan.
- Bagi PTJ yang ada felo, masukkan mereka yang mempunyai sumbangan.
- Bagi Pusat Kecemerlangan, pastikan bilangan minima kakitangan akademik/felo adalah ≥ 5 .

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Surat lantikan kakitangan / Senarai Pemeriksa yang diluluskan oleh Senat / maklumat perkhidmatan daripada sistem e-warga (CV Akademik).

2. ***Total number of fulltime students (local and international students including post-graduate students)***

Bilangan pelajar ijazah pertama dan ijazah tinggi termasuk warganegara dan bukan warganegara yang berdaftar (enrolmen).

Data:

Ijazah pertama: Enrolmen pelajar termasuk yang aktif, diberi cuti dengan kebenaran/penangguhan pengajian.

Ijazah tinggi: Enrolmen pelajar termasuk yang aktif, tamat pengajian, diberhentikan, menarik diri, gagal, penangguhan pada tahun yang dinilai.

Nota:

- *Mixed Mode is defined as not < 70% research (not > 30% coursework). If less than 70%, the student do not contribute to RU agenda.*
- Pelajar *mixed mode* yang tidak memenuhi kriteria 70:30, boleh dimasukkan dalam *coursework*.

Bahan bukti yang perlu disediakan:

Bagi pelajar ijazah tinggi mod penyelidikan - surat pengesahan pendaftaran daripada PPS/ maklumat pengajian pelajar daripada sistem Sistem Maklumat Pelajar (SMPWEB).

Bagi pelajar ijazah tinggi *mixed mode* dan *coursework* - surat tawaran / resit pembayaran bagi pengajian pendaftaran kursus / maklumat pelajar daripada sistem Sistem Maklumat Pelajar (SMPWEB).

SECTION B : Quantity and Quality of Reseachers

1. Critical Mass

Total number of academic staff involved as principal investigator of research grants

Bilangan kakitangan akademik (tetap/kontrak) yang terlibat sebagai Penyelidik Utama / Ketua Projek / Perseorangan bagi projek-projek penyelidikan yang aktif* .

Aktif* :-

- Projek yang baru bermula dalam tahun berkenaan.
- Projek yang bermula sebelum tahun berkenaan dan masih aktif dalam tahun berkenaan.
- Projek yang ditutup dalam tahun berkenaan.

Data :

Data adalah mengambil kira bilangan penyelidik utama (*principal investigator*) sahaja bukannya bilangan projek penyelidikan yang terlibat.

Seorang Penyelidik Utama boleh diambil kira sekali sahaja sama ada dalam kategori Geran Universiti Penyelidikan, Geran Luar atau Geran Antarabangsa.

Penyelidik Utama diambilkira jika mengetuai projek dengan geran penyelidikan \geq RM20,000 bagi kakitangan S&T atau geran penyelidikan \geq RM5,000 bagi kakitangan bukan S&T.

Projek yang dibiayai melalui bajet mengurus (selain tabung penyelidikan dan Dana Universiti Penyelidikan) tidak diambil kira (prinsipnya projek mestilah kompetitif).

Data berdasarkan projek penyelidikan: Agensi Luar, Penyelidikan kontrak, IRPA, FRGS, SAGA, ScienceFund, UKM Jangka Pendek, Universiti Penyelidikan, dan Insentif.

Geran Insentif *Postgraduate* tidak diambilkira.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Penyata Kewangan daripada Bahagian Kewangan Penyelidikan, Jabatan Bendahari / Surat tawaran / 'back to back agreement' untuk penyelidikan kontrak.

2. *PhD Qualification or Equivalent and Professional*

a. *Total number of staff with PhD/DSc, D.Eng*

Bilangan kakitangan akademik (tetap/kontrak) yang berkelulusan tertinggi Ijazah Kedoktoran termasuk (PhD/DSc, D.Eng, etc.).

Kesetaraan PhD – Tahap kedoktoran berasaskan penyelidikan (tidak termasuk yang berasaskan coursework seperti DBA, DEd, D.Pharm)

Data: Kakitangan Akademik (tetap/kontrak) yang sedang berkhidmat.

b. *Total number of staff with Professional Qualifications (such as medical, engineers, architects, accountants, etc)*

Bilangan kakitangan akademik (tetap/kontrak) yang berkelulusan tertinggi Profesional (perubatan, Jurutera, Arkitek, Akauntan, etc.).

Contoh : IR, AR, FRCP, SR, ACCA, etc.

Data:

- Kakitangan Akademik (tetap/kontrak) yang sedang berkhidmat.
- Kakitangan Akademik yang mempunyai dua (2) kelulusan seperti PhD dan Profesional dimasukkan di dalam satu kategori SAHAJA iaitu kelayakan PhD di bahagian 2(a).

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Sijil/Surat Keahlian daripada badan pemberi anugerah atau badan profesional yang diiktiraf.

3. *Research Experience (3 cohort)*

Total number of research experienced staff:

Research Experience (Cohort) / pengalaman penyelidikan

Untuk kakitangan tempatan yang diambil kira dalam seksyen A1(b) - adalah berdasarkan tempoh lantikan seseorang pensyarah (tetap/kontrak) ke skim Pensyarah / Pensyarah Pelatih.

Bagi kakitangan kontrak bukan warganegara, andaian di bawah digunakan bagi pengiraan Research Experience (Cohort) :

- Kakitangan yang berumur 50 tahun dan ke atas, *Research Experience (Cohort)* yang digunakan adalah '> 20 tahun pengalaman'
- Kakitangan yang berumur antara 40-49 tahun, *Research Experience (Cohort)* yang digunakan adalah '10-20 tahun pengalaman'
- Kakitangan yang berumur kurang daripada 40 tahun, *Research Experience (Cohort)* yang digunakan adalah '< 10 tahun pengalaman'

Data:

Kakitangan Akademik (tetap/kontrak) yang sedang berkhidmat.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Surat pelantikan daripada universiti / maklumat perkhidmatan daripada sistem e-warga (CV akademik).

4. *Awards/stewardship conferred by national and international learned and professional bodies*

Bilangan anugerah dan pengiktirafan yang diberikan oleh badan akademik dan profesional di peringkat kebangsaan atau antarabangsa kepada kakitangan akademik.

Contoh anugerah/pengiktirafan/stewardship:

Peringkat Nasional meliputi Akademi Sains Negara, Akademi Perubatan Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, dan lain-lain.

- Peringkat Antarabangsa meliputi UNESCO, WHO, dan lain-lain.
- Penyelidikan
- Tokoh
- Fellowship
- Kreativiti

- Stewardship bermaksud pelantikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa atau 'Task Force' di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Anugerah adalah seperti sijil yang dimenangi / surat anugerah. Bukti pengiktirafan adalah seperti surat pelantikan.

SECTION C: Quantity and Quality of Research

1. Publications

a. Total number of publication in citation-indexed journals including refereed proceedings

Bilangan penerbitan di dalam *Impact Factor Journal (SCOPUS/ISI/SCI/SSCI/AI)* termasuklah bilangan *Refereed Proceedings* yang dihasilkan oleh institusi (terdapat nama institusi sebagai afliasi penulis pada penerbitan berkenaan).

Hanya penerbitan dalam kategori berikut diambilkira :

- i. Artikel
- ii. Conference paper / Kertas Prosiding
- iii. Review

yang disenaraikan di dalam *SCOPUS/ISI/SCI/SSCI/AI*.

Contoh format bagi penyenaian penerbitan di dalam *citation-indexed journals* adalah seperti berikut:

Zulkifli, I., Liew, P.K., Israfi, D.A., Omar, A.R. and Hair-Bejo, M 2003. Effects of early age feed restriction and thermal conditioning on heterophil/lymphocyte ratio, heat shock protein 70 and body temperature of male broiler chickens subjected to acute heat stress. Journal of Thermal Biology, 28:217-222.

Urutan maklumat bagi format di atas ialah nama pengarang, tahun penerbitan, tajuk penerbitan, nama jurnal, jilid, isu dan muka surat.

Untuk maklumat penerbitan di dalam ISI/SCOPUS boleh diperolehi melalui laman web perpustakaan (www.ukm.my/library).

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Muka surat pertama penerbitan dan Impact ISI yang terkini sebagai bukti.

b. Cumulative impact factor of publications

Faktor impak kumulatif bagi semua penerbitan di dalam citation-indexed journals (ISI) bagi tahun berkaitan.

Impact Factor hendaklah yang terkini oleh *ISI* dan dinyatakan seperti berikut:

Contoh:

Journal 1 : *Impact Factor* = 0.35

c. Total number of publication in non-citation-indexed Journal

Bilangan penerbitan di dalam *non-citation-indexed Journal* bagi tahun yang ditetapkan. Format bagi penyenaian penerbitan ini adalah sama seperti di butiran (a).

Nota :

Penerbitan *citation* dan *non-citation-indexed journal* berstatus '*under review*' dan '*accepted with changes*' tidak diambilkira. Artikel yang berstatus '*accepted*' dan '*in press*' boleh diambilkira jika sekiranya artikel berkenaan mempunyai '*volume no*' dan tahun.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Muka surat pertama penerbitan / surat penerimaan.

d. Total number of chapters in book

Bilangan bab dalam buku yang diterbitkan pada tahun berkenaan.

Contoh format bagi penyenaian bab dalam buku (sila nyatakan nombor ISBN) adalah seperti berikut :

Sapolsky. R.M. 1992. Neuroendocrinology of the stress response. In : (Ed., booker, J.B., Breedlove, S.M. and Crews, D.), Behavioral Endocrinology, MIT Press, Cambridge, MA. ISBN No. 978-983-861-336-1, Pp. 287-324.

Urutan maklumat bagi format di atas ialah nama pengarang, tahun diterbitkan, tajuk bab, tajuk buku, nama penerbit, no ISBN dan muka surat.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Muka depan, isi kandungan dan muka surat pertama Bab. Salinan bahan bukti juga perlu mengandungi maklumat No. ISBN, tahun, penerbit dan pengarang.

e. Other Publications that have created an impact to government/society/policy (abstracts, articles in magazines, newsletters, etc-not including unpublished reports)

Bilangan lain-lain penerbitan yang memberikan kesan kepada kerajaan/masyarakat/polisi seperti abstrak, artikel di dalam majalah, *newsletter*, penerbitan dari persidangan dan lain-lain.

Contoh format bagi penyenaaraian lain-lain penerbitan :

Ng W.K. (2005). Palm oil in aquaculture feeds. FREZH Newsletter 1: 9-11.

Contoh format penulisan bagi penerbitan dari persidangan:

Htin, N.N., Zulkifli, I., Loh, T.C., Alimon, A.R. and Hair-Bejo, M. 2003. Response of heat-stressed broiler chickens to dietary oil sources. Proceedings of the 25 th Malaysian Society of Animal Production Annual Conference, Malacca, Malaysia, pp. 56-57

Urutan maklumat bagi format di atas ialah nama pengarang, tahun, tajuk penerbitan, nama persidangan, tempat persidangan dan muka surat.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Muka depan prosiding dan isi kandungan.

Nota:

Butiran (c) & (d) tidak mengambilkira Penyunting.

Bahan bukti boleh disediakan dengan membuat salinan secara *hardcopy* atau *softcopy*.

Bahan bukti boleh disediakan dengan membuat salinan muka hadapan penerbitan dan helaian yang mengandungi maklumat diperlukan seperti pengarang, tajuk penerbitan, tahun, kandungan, nama universiti, nama penerbit, nama persidangan, tempat persidangan, mukasurat dan No. ISBN/ISSN.

Bahan bukti mestilah menunjukkan sumber penerbitan (bukan deraf).

Semua penerbitan di butiran (a) - (e) adalah diterbitkan dalam sesuatu tahun berkenaan dan dihasilkan oleh kakitangan universiti.

Untuk penerbitan yang mempunyai beberapa pengarang daripada PTJ yang sama, penerbitan tersebut hanya diambilkira sekali sahaja bagi PTJ berkenaan.

2. *Research grants for academic staff*

a. Total amount of public fundings (from government agencies)

Jumlah peruntukan yang diluluskan yang ditaja oleh badan Kerajaan/berkanun.

Data :

Data berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan bagi projek penyelidikan baru sahaja pada tahun berkenaan. (bukti surat kelulusan projek)

Geran yang dibiayai melalui bajet mengurus (selain tabung penyelidikan dan dana Universiti Penyelidikan) tidak diambil kira.

Jenis geran yang diambilkira ialah Agensi luar, FRGS, SAGA, IRPA, Science Fund, Insentif dan penyelidikan kontrak.

Geran Insentif *Postgraduate* tidak diambilkira.

b. Total amount of private fundings (including contract research)

Jumlah peruntukan yang diluluskan yang ditaja oleh syarikat swasta dalam negara.

Data berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan bagi projek penyelidikan baru sahaja pada tahun berkenaan.

Jenis geran yang diambilkira ialah Agensi Luar dan penyelidikan kontrak.

c. Total amount of international fundings

Jumlah peruntukan yang diluluskan yang ditaja oleh badan/agensi di luar Malaysia.

Data berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan bagi projek penyelidikan baru sahaja pada tahun berkenaan.

Jenis geran yang diambil kira ialah Agensi Luar dan penyelidikan kontrak.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Penyata Kewangan daripada BKP / Surat kelulusan projek / 'back to back agreement' untuk penyelidikan kontrak.

3. Research expenditure for each project.

a. Total amount of research grants received

Jumlah dana yang diterima pada tahun berkenaan bagi semua geran penyelidikan yang telah diluluskan sebelum atau pada tahun berkenaan.

Data berdasarkan projek penyelidikan yang aktif (projek baru dan sambungan) pada tahun berkenaan.

b. Total amount of research grants spent (Sumber data dari Bendahari)

Jumlah dari (a) yang telah dibelanjakan pada tahun berkenaan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Surat tawaran, penyata kewangan daripada BKP.

4. Post-doctoral appointment

Bilangan post-doctoral yang aktif* warganegara dan bukan warganegara.

Aktif*:

- Yang baru dilantik dan melapor diri pada tahun berkenaan.
- Yang dilantik sebelum tahun berkenaan tetapi masih aktif dalam tahun berkenaan.

Nota : *Post-doctoral* tidak boleh menjadi tenaga pengajar. *Post-doctoral* juga mestilah memperolehi kelulusan PhD ≤ 5 tahun dari tarikh lantikan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Surat pelantikan sebagai *post-doctoral* dan Sijil PhD / maklumat perkhidmatan dan kelayakan akademik daripada sistem e-warga (CV Akademik).

SECTION D: Quantity of Postgraduates

1. Number of PhDs graduated

a. Total number per year

Bilangan graduan berkelulusan PhD pada konvokesyen.

b. Ratio of PhDs graduated to academic staff

Nisbah graduan PhD kepada kakitangan akademik (tetap/kontrak).

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Muka depan buku konvokesyen dan senarai nama dalam buku konvokesyen (Ogos tahun dinilai).

2. Number of PhDs enrolled

a. Total number per year

Bilangan pelajar PhD yang berdaftar (enrolmen).

b. Ratio of PhDs enrolled to academic staff

Nisbah pelajar PhD yang berdaftar (enrolmen) kepada kakitangan akademik (tetap/kontrak).

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Dirujuk dari Seksyen A2.

3. *Postgraduates Enrolment*

a. Ratio of postgraduates to academic staff

Nisbah pelajar Ijazah Tinggi yang berdaftar (*enrolmen*) kepada kakitangan akademik (tetap/kontrak).

b. Ratio of postgraduates (based on research and mixed modes only) to undergraduates

Nisbah pelajar Ijazah Tinggi (berdasarkan pelajar mod penyelidikan yang berdaftar (*enrolmen*) kepada pelajar Ijazah Pertama penuh masa yang berdaftar (*enrolmen*).

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Dirujuk dari Seksyen A2.

4. *Percentage of International Postgraduates students*

Peratus pelajar ijazah tinggi bukan warganegara yang berdaftar (*enrolmen*).

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Dirujuk dari Seksyen A2.

SECTION E: Quality of Postgraduates

1. Entry qualification at Bachelor level

Percentage of postgraduate intake with CGPA \geq 3.0 or equivalent

Peratus pelajar ijazah tinggi yang memperolehi CGPA \geq 3.0 atau setara dengannya di peringkat Ijazah Pertama.

Maksud setara :

- i. Ijazah Sarjana
- ii. 70% ke atas bagi sistem ijazah pertama yang menggunakan 100%
- iii. Lulus Ijazah perubatan/pergigian.

Data : Sama ada menggunakan pengambilan atau enrolmen pelajar tahun berkenaan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan sijil ijazah sarjana muda dan transkrip / sarjana / PhD / maklumat CGPA daripada Sistem Maklumat Pelajar (SMPWEB).

2. *Fellowships/grants awarded by prestigious bodies to postgraduates via research mode*
Percentage of postgraduates via research modes (with thesis) with fellowships/grants

Peratus pelajar ijazah tinggi mod penyelidikan yang dianugerahkan/mendapat fellowships/geran/ dari badan atau institusi bukan universiti:

Contoh:

- | | | |
|-------------------------------------|---------------|---------------------|
| • National Science Fellowship (NSF) | • FRIM | • Telekom |
| • Toray | • MPOB | • TNB |
| • ADB | • MIMOS | • Shell |
| • CIMB Foundation | • Gloden Hope | • Exxon-Mobil |
| • Sime Darby | • KPJ | • Khazanah Nasional |
| • DBP | • Honda | • Bank Negara |

Data:

Data berdasarkan pelajar yang aktif/berdaftar (enrolmen) bagi tahun berkenaan.

Data tidak termasuk Skim Zamalah, Skim Pembantu Penyelidik Siswazah, Skim Pembantu Penyelidik Siswazah, Skim Zamalah, Yayasan / Kerajaan Negeri, JPA, KPT, dan dari agensi kerajaan luar negara bagi pelajar antarabangsa.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Surat tawaran daripada penaja.

SECTION F: Innovation

1. Patents

a. Total number of (new) patents granted

Bilangan paten baru yang diperoleh pada tahun berkenaan (prinsipnya ialah untuk mengukur keupayaan inovasi).

Data :

Paten asal sahaja diambil kira iaitu yang pertama kali difailkan/diperolehi pada tahun berkenaan.

Utility patent tidak diambil kira.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Surat dari badan pemberi paten.

b. Total number of patents pending

Bilangan paten yang telah difailkan tetapi belum diberikan sehingga tahun berkenaan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Surat / sijil dari badan pemberi paten.

2. Commercialized product

Total number of new products licenced for commercialization (and in the market place)

Bilangan produk baru yang dikomersilkan pada tahun berkenaan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Perjanjian Perlesenan (*Licensing Agreement*).

3. Technology know-how licensing (and in the market place)

Total number of technology know-how licensing

Bilangan teknologi baru yang dilesenkan pada tahun berkenaan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Perjanjian MoA (*MoA Agreement*) / *Know how licensing agreement*.

4. IPR/copyrights

a. Total number of new IPR of original writings

Bilangan IPR karya asli yang dihasilkan oleh kakitangan universiti pada tahun berkenaan.

Maksud karya asli : kerja kesarjanaan (*scholarly work*); diwasit oleh penilai luar (*external refereed*), dan diterbitkan oleh penerbit bertauliah.

Contoh format bagi penyenaaraan buku adalah seperti berikut :

Jelani Harun. 2008. Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan. Penerbit UKM. ISBN No 978-983-861-341-5.

Data :

- Termasuk penulisan asli / karya ilmiah. Monograf boleh diambilkira jika ada penilai luar.
- Tidak termasuk buku yang diterbitkan semula sebagai edisi baru.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan muka surat hadapan dan muka surat yang mengandungi maklumat hak cipta, tahun penerbitan, nombor ISBN, penulis dan penerbit.

b. Other IPR/Copyright/Trademarks (including books that is not original writing)

Mempunyai nombor ISBN atau sijil pendaftaran. Tidak termasuk jurnal yang diterbitkan oleh penerbit institusi.

Nota:

- Buku boleh diklasifikasikan sebagai buku teks, buku terjemahan, buku rujukan dan lain-lain.
- Bagi hasil karya muzik/seni, pengiktirafan mestilah daripada pihak luar.
- Buku yang diterbitkan semula sebagai edisi baru tidak akan diambil kira.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan hak cipta / surat pendaftaran (cth. untuk Trademark)

Hasil karya muzik/seni – surat dari syarikat rakaman / galeri.

Bagi buku – salinan mukasurat hadapan dan mukasurat yang mengandungi maklumat hak cipta , tahun penerbitan, nombor ISBN, penulis dan penerbit..

Nota :

Ringkasan maklumat bagi 4 jenis IPR di Malaysia :

i. Patents

New and useful inventions – products, processes or a combination of products/processes and apparatus.

ii. Trademarks

Commercial identifications such as words, designs, slogans, logos, symbols, signature, label, ticket, name or combination thereof.

iii. Industrial designs

New or original features of shape, configuration, pattern or ornament applied to the article.

iv. Copyright

Original literary and artistic expressions such as books, music, paintings, plays records, movies software, architectural works sculptures.

SECTION G: Professional Services and Gifts

1. *Income generated from training courses (non-degree programme)/postgraduate fees (leading to higher degree)/franchise program fees/ hospital recoupable fees/ technology licensing/commercialized products*

Jumlah pendapatan (**gross income**) yang dijana melalui latihan/kursus/bengkel/hasil pelesenan teknologi/pengkomersilan hasil R&D dan yuran pasca siswazah, yuran program franchais dan bayaran yang diterima oleh hospital(recoupable) pada tahun berkenaan dan bukan kumulatif.

Tidak termasuk kursus yang menjurus ke arah pengijazahan ijazah pertama (kecuali francais), persidangan dan seminar akademik.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Penyata Kewangan dari BKP.

2. *Income generated from consultancy (excluding contract research)*

Jumlah pendapatan kasar (gross income) yang dijana melalui projek perundingan atau kerja pengujian yang dijalankan secara perseorangan atau berkumpulan pada tahun berkenaan dan bukan kumulatif.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Penyata Kewangan dari BKP atau surat tawaran kerja perundingan / pengujian dan *back-to-back agreement* di antara UKM Pakarunding/UKM Holdings dan UKM.

Nota :

Gross Income adalah merujuk kepada nilai keseluruhan projek perundingan bagi sepanjang tempoh projek dijalankan. Data adalah berdasarkan kepada projek baru yang bermula pada tahun berkenaan.

3. *Research Endowment (including professional chairs)*

Jumlah nilai dana kursi yang dianugerahkan oleh pihak luar kepada universiti/pusat pengajian untuk menujah sesuatu aspek ilmu pada tahun berkenaan dan bukan kumulatif.

Jumlah *endowment* yang diterima oleh universiti daripada pemberi endowment pada tahun berkenaan dan bukan kumulatif.

Tidak termasuk semua pemberian untuk tujuan bukan penyelidikan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Penyata Kewangan daripada BKP / surat tawaran dana.

4. *Gifts (money, equipments, research materials, etc.) (worth \geq RM 5,000.00)*

Jumlah nilai pemberian (*gift*) daripada pihak luar kepada universiti termasuklah dalam bentuk kewangan, peralatan, bahan-bahan penyelidikan yang bernilai RM5,000.00 dan ke atas pada tahun berkenaan dan bukan kumulatif.

Tidak termasuk pemberian dalam bentuk penajaan untuk kegiatan tertentu.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Penyata Kewangan daripada Jabatan Kewangan Penyelidikan, Jabatan Bendahari / surat tawaran.

Nota :

Pemberian (*gift*) secara *per item* kurang dari RM5,000 tetapi secara keseluruhannya melebihi RM5,000 akan diambil kira sekiranya item berkenaan disenaraikan di dalam satu surat tawaran.

SECTION H: Networking and Linkages

1. *International Institution participation in research related activities*

a. *Total number of MoUs signed*

Bilangan MoU/MoA yang ditandatangani pada tahun berkenaan (MoU/MoA baru) bersama-sama dengan institusi/agensi di peringkat antarabangsa.

Nota :

NDA (*Non-disclosure agreement*) tidak diambilkira.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan dokumen perjanjian MoU/MoA yang lengkap (cth. mengandungi muka hadapan perjanjian, maklumat tempoh perjanjian, tarikh dan tandatangan).

b. Total number of programme implemented under each MoU/MoA.

Bilangan program/aktiviti yang dilaksanakan di bawah setiap *MoU/MoA* (*MoU/MoA* aktif) di peringkat antarabangsa.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan dokumen perjanjian *MoU/MoA* yang lengkap (cth. mengandungi muka hadapan perjanjian, maklumat tempoh perjanjian, tarikh dan tandatangan) dan sebarang surat-menyurat/dokumen yang dapat mengesahkan aktiviti yang dijalankan.

c. Total number of staff involved in joint research project.

Bilangan kakitangan akademik yang terlibat sebagai Penyelidik bagi geran penyelidikan, Ketua Projek / Ahli Projek / Perseorangan bagi perundingan di **peringkat antarabangsa**.

Penyenaraian maklumat perlulah disertakan nama kakitangan UKM dan nama penyelidik luar yang terlibat dalam penyelidikan berkaitan.

Data berdasarkan projek penyelidikan (projek Agensi Luar) yang aktif pada tahun berkenaan.

Kerja perundingan yang bermula pada tahun berkenaan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran / dokumen yang dapat mengesahkan penglibatan kakitangan.

d. Total number of international students participating in undergraduate/ postgraduate/ exchange programme.

- Bilangan pelajar antarabangsa yang berdaftar (enrolmen) yang mengikuti Skim Pertukaran Pelajar di universiti.
- Bilangan pelajar antarabangsa yang berdaftar (enrolmen) yang mengikuti pengajian tanpa ijazah (NGP) di universiti.
- Bilangan pelajar antarabangsa yang berdaftar (enrolmen) yang mengikuti lain-lain program (contoh: sangkutan) di universiti.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran / dokumen yang mengesahkan penglibatan pelajar.

e. Total number of student sent abroad for training.

- Bilangan pelajar universiti yang mengikuti Skim Belajar ke Luar Negara Cth. Program pertukaran pelajar.
- Pelajar yang mengikuti program/aktiviti ke luar negara (contohnya di bawah kelolaan BHEPP/ kelolaan PTJ); Pelajar yang mengikuti latihan praktikal di luar negara.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran / dokumen yang mengesahkan penglibatan pelajar.

f. Total number of staff sent abroad for training.

Bilangan kakitangan akademik yang bercuti sabatikal/ cuti belajar/ cuti penyelidikan / kursus pendek di luar negara.

Sekiranya kakitangan yang sama menghadiri lebih daripada sekali kursus jangka pendek di luar negara pada tahun berkenaan, data hanya dikira sekali sahaja.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran / dokumen yang mengesahkan penglibatan kakitangan.

2. Membership in International bodies/ associations

a. Total number of membership in international bodies / associations

Bilangan keahlian (bukan bilangan kakitangan akademik) di dalam Badan/ Persatuan di peringkat antarabangsa.

Seorang kakitangan boleh mempunyai lebih daripada satu keahlian. Data dikira berdasarkan bilangan keahlian.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat keahlian / kad keahlian yang aktif (dengan tarikh yang sah pada tahun yang dinilai) / resit pembayaran yuran keahlian.

Nota : Persatuan bukan akademik atau bukan profesional tidak diambilkira (cth. Persatuan Alumni).

b. Total number of staff appointed as leader / committee for the international bodies/ associations

Bilangan kakitangan akademik yang dilantik sebagai pemimpin/ AJK Badan/ Persatuan di peringkat antarabangsa.

Seorang kakitangan boleh dilantik lebih daripada satu jawatan. Data hanya dikira sekali sahaja pada tahun berkenaan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat pelantikan berserta maklumat tempoh pelantikan.

Penglibatan kakitangan seperti *Reviewer, Editorial Board, External Examiner* dan *External Assessor* boleh diambilkira.

3. *International projects*

Total number of staff secured international projects (research/ consultancy)

a. Total number of staff involved as project leader

- Bilangan kakitangan akademik yang terlibat sebagai penyelidik utama/ ketua projek/ perseorangan bagi geran penyelidikan (termasuk penyelidikan kontrak);
- Ketua projek / perseorangan bagi perundingan.

b. Total amount of international grants secured

Jumlah nilai peruntukan (RM) yang diperoleh.

Data berdasarkan projek penyelidikan (projek Agensi Luar), kerja perundingan di bawah penajaan antarabangsa yang diluluskan.

Data:

Mengambil kira projek penyelidikan baru.

Kerja perundingan yang bermula pada tahun berkenaan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran / dokumen yang dapat mengesahkan penglibatan kakitangan / penyata kewangan daripada BKP.

4. *International award/ fellowship/ scholarship*

Total number of staff awarded international fellowship/ scholarship

Bilangan kakitangan akademik yang menerima anugerah/ pengiktirafan/ fellowship/ scholarship di peringkat antarabangsa.

Seorang kakitangan boleh menerima lebih daripada satu anugerah / pengiktirafan. Data hanya dikira sekali sahaja pada tahun berkenaan.

Contoh anugerah / pengiktirafan:

- Penyelidikan
- Tokoh
- Fellowship
- Biasiswa (sabatikal /cuti belajar)
- Kreativiti
- Committee position at international bodies / associations or professional bodies

Nota :

Tidak termasuk anugerah atau pengiktirafan yang diterima di seminar / persidangan dan juga penglibatan kakitangan sebagai *Reviewer, Editorial Board, External Examiner* dan *External Assessor*.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran daripada badan pemberi anugerah.

5. *International Professional bodies*

a. Total number of staff accepted as members in the professional bodies / associations

Bilangan kakitangan akademik yang menganggotai **Badan Profesional** di peringkat antarabangsa.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat keahlian / kad keahlian yang aktif (dengan tarikh yang sah pada tahun yang dinilai) / resit pembayaran yuran keahlian.

b. Total number of staff appointed to chairmanship / committee position in the professional bodies / associations at international level.

Bilangan kakitangan yang dilantik sebagai Pengerusi / AJK **Badan Profesional** di peringkat **antarabangsa**.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat pelantikan berserta maklumat tempoh pelantikan.

Penglibatan kakitangan seperti *Reviewer, Editorial Board, External Examiner* dan *External Assessor* boleh diambilkira.

Persatuan yang bukan profesional tidak diambilkira (cth. Persatuan Alumni).

6. *National Inter-Institution participation*

a. *Total number of MoUs signed (government/ private agencies/ industries)*

Bilangan MoU/MoA yang **ditandatangani** (MoU/MoA baru) bersama-sama dengan agensi kerajaan/ agensi swasta / industri di peringkat **kebangsaan**.

Data : Termasuk MOU yang aktif

Nota :

NDA (*Non-disclosure agreement*) tidak diambilkira.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan dokumen perjanjian MoU/MoA yang lengkap (cth. mengandungi muka hadapan perjanjian, maklumat tempoh perjanjian, tarikh dan tandatangan).

b. *Total number of program implemented under each MOU*

Bilangan program/aktiviti yang dilaksanakan di bawah setiap MoU/MoA (MoU/MoA aktif) di peringkat kebangsaan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan dokumen perjanjian MoU/MoA yang lengkap (cth. mengandungi muka hadapan perjanjian, maklumat tempoh perjanjian, tarikh dan tandatangan) dan sebarang surat-menyurat/dokumen yang dapat mengesahkan aktiviti yang dijalankan.

7. *Member in Professional bodies at national level.*

a. *Total number of staff accepted as member in professional bodies / associations.*

Bilangan kakitangan akademik yang menganggotai **Badan** / Persatuan Profesional di peringkat **kebangsaan**.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat keahlian / kad keahlian yang aktif (dengan tarikh yang sah pada tahun yang dinilai) / resit pembayaran yuran keahlian.

b. *Total number of staff appointed to chairmanship / committee position in professional bodies / associations.*

Bilangan kakitangan yang dilantik sebagai Pengerusi / AJK Badan Profesional di peringkat kebangsaan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat pelantikan berserta maklumat tempoh pelantikan.

Penglibatan kakitangan seperti *Reviewer, Editorial Board, External Examiner* dan *External Assessor* boleh diambilkira.

Persatuan yang bukan profesional tidak diambilkira (cth. Persatuan Alumni / PIBG / Silat, dll.).

8. *National projects*

a. *Total number of staff involved in joint project (research / consultancy).*

Bilangan kakitangan akademik yang terlibat sebagai Penyelidik bagi geran penyelidikan/penyelidikan kontrak, Ketua Projek / Ahli Projek / Perseorangan bagi perundingan di peringkat kebangsaan.

Nota :

- i. Data berdasarkan projek penyelidikan (projek Agensi Luar, IRPA, FRGS, SAGA, ScienceFund, Universiti Penyelidikan) yang aktif.
- ii. Kerja perundingan yang bermula pada tahun berkenaan.
- iii. Bilangan kakitangan yang terlibat dengan projek penyelidikan (IRPA, FRGS, SAGA, Science Fund, RU) / kerja perundingan dimana terdapat co-researcher / Penyelaras dari institusi luar.
- iv. Bilangan kakitangan universiti menjadi co-researcher / Penyelaras kepada projek penyelidikan/ kerja perundingan dengan institusi luar.

Penyenaraian maklumat perlulah disertakan nama kakitangan UKM dan nama penyelidik luar yang terlibat dalam penyelidikan berkaitan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran / dokumen yang dapat mengesahkan penglibatan kakitangan / penyata kewangan daripada BKP.

b. Total number of students participating in undergraduate / postgraduate / exchange programme.

- Bilangan pelajar UKM (undergraduate / postgraduate) yang mengikuti Rancangan Pertukaran Pelajar Antara IPT (RPPIPT) / lain-lain program pertukaran pelajar ke IPT lain di dalam negara.
- Bilangan pelajar dari IPT dalam negara (undergraduate / postgraduate) yang mengikuti program RPPIPT / lain-Lain program pertukaran pelajar di universiti.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran / dokumen yang mengesahkan penglibatan pelajar.

c. Total number of students sent for training

Bilangan pelajar yang mengikuti latihan praktikal / persidangan / seminar / bengkel di dalam negara.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran / dokumen yang mengesahkan penglibatan pelajar.

d. Total number of staff sent for training

Bilangan kakitangan akademik yang bercuti sabatikal / cuti belajar / cuti penyelidikan / kursus jangka pendek di dalam negara (luar UKM).

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran / dokumen yang mengesahkan penglibatan kakitangan.

9. National award / fellowship / scholarship

Total number of staff awarded national fellowship/ scholarship

Bilangan kakitangan akademik (tetap/ kontrak) yang menerima anugerah/ pengiktiran/ fellowship/ scholarship di peringkat kebangsaan.

Contoh anugerah/pengiktirafan :

- Penyelidikan
- Tokoh
- Fellowship
- Biasiswa (sabatikal/ cuti belajar)
- Kreativiti
- Jawatan dalam Badan Profesional Kebangsaan.

Nota :

Tidak termasuk anugerah atau pengiktirafan yang diterima di seminar / persidangan dan juga penglibatan kakitangan sebagai *Reviewer, Editorial Board, External Examiner* dan *External Assessor*.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Salinan surat tawaran dari badan pemberi anugerah.

SECTION I: Support Facilities

1. Accredited Laboratories

Makmal yang mempunyai sijil pengiktirafan (GMP/GRP/GLP/ISO17250) daripada badan bertauliah.

Contoh : sijil daripada OECD, FDA, Department of Standards, Kementerian Kesihatan.

Bahan bukti yang perlu disediakan :

Sijil daripada Badan Pensijilan yang diiktiraf.

2. Library Facilities

Online title : Termasuk buku dan setiap tajuk jurnal dalam pangkalan data.